

## **UNIT PEMBANGUNAN TANAH**

### **1. Apakah dokumen yang perlu dikemukakan kepada Pentadbir Tanah semasa membuat pertukaran Tukar Syarat daripada Pertanian kepada Pertanian yang lain (Seksyen 124 KTN)?**

**Dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut:**

- Borang Permohonan Tukar Syarat;
- Tiga (3) hakmilik dan pelan kawasan;
- Satu (1) Sijil Carian Rasmi;
- Satu (1) salinan resit hasil bagi tahun semasa;
- Satu (1) salinan kad pengenalan pemohon;
- Satu (1) surat persetujuan daripada tuan tanah bersama;
- Satu (1) salinan persetujuan/kebenaran daripada pemegang gadai/pemegang kaveat;
- Salinan Memorandum Of Articles, Articles Of Association Form 24, Form 49 Company Act 1965 dan Form 44 (jika permohonan daripada syarikat);
- Surat akuan sumpah; dan
- Bayaran proses bagi setiap hakmilik:-

i.	Kurang daripada 4 hektar	-	RM10.00
ii.	4 hektar – 20 hektar	-	RM100.00
iii.	Melebihi 20 hektar – 40 hektar	-	RM250.00
iv.	Melebihi 40 hektar – 100 hektar	-	RM500.00
v.	Melebihi 100 hektar	-	RM1,000.00

### **2. Apakah dokumen-dokumen yang diperlukan untuk memohon Pecah Sempadan (9A), Pecah Bahagian (9B) dan Penyatuan Tanah (9C)?**

-Bayaran proses bagi permohonan Pecah Sempadan, Pecah Bahagian dan Penyatuan Tanah adalah seperti berikut:-

i.	Kurang daripada 4 hektar	-	RM30.00
ii.	4 hektar – 20 hektar	-	RM50.00
iii.	Melebihi 20 hektar – 40 hektar	-	RM100.00
iv.	Melebihi 40 hektar – 100 hektar	-	RM300.00
v.	Melebihi 100 hektar	-	RM500.00

- Tujuh (7) Pelan Pre-Comm yang telah disahkan oleh Jurukur Berlesen dan diluluskan oleh PBT;
- Empat (4) keping Borang \*9A/9B/9C yang telah ditandatangani oleh Pegawai Perancang;

- Surat kelulusan pelan Pre Comm daripada PBT;
- Salinan Resit Cukai Tanah Terkini;
- Empat (4) salinan hakmilik;
- Surat Perlantikan Jurukur Berlesen;
- Sijil Carian Rasmi (1 asal dan 3 salinan)
- Salinan Surat kuasa Wakil (SKW/PA) (jika berkaitan);
- Tiga (3) salinan Memorandum Of Articles, Articles Of Association Form 24, Form 4 Company Act 1965, Lampiran B (jika berkaitan)
- Tiga (3) salinan surat kebenaran daripada Bank/Institusi Kewangan/ orang berkepentingan jika terdapat gadaian atau kaveat (jika berkaitan);
- Salinan kad pengenalan pemilik tanah;
- Salinan perintah kuasa yang memberikan kebenaran kepada pentadbir atau Pemegang Amanah untuk membuat permohonan (1 salinan);
- CD Pelan dalam format dwg (1 keping)

**3. Bolehkah saya membuat permohonan Pecah Bahagian Tanah sekiranya tanah yang dimiliki mempunyai syarat nyata untuk tujuan pertanian?**

Boleh dengan syarat hasil daripada pecahan lot yang kurang 1 ekar akan di angkat ke Pejabat Tanah dan Galian Negeri Pahang untuk kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Manakala pecahan lot lebih daripada 1 ekar boleh diluluskan oleh Pentadbir Tanah sahaja.